

Menjalin hubungan sejati

Hubungan yang ikhlas dan jujur kunci kepada penghargaan antara kaum yang lebih mendalam dan bermakna

► **NAZRI HADI SAPARIN**
 nhadi@sph.com.sg

PELUANG untuk beliau berinteraksi dengan mereka yang bukan berbangsa Cina agak terbatas hinggalah Cik Gwyneth Teo melangkah ke maktab rendah.

Ketika itu, barulah bekas pelajar Sekolah SAP itu – sekolah yang memberi tumpuan kepada budaya Cina – menyedari pentingnya membina hubungan yang ikhlas dengan anggota masyarakat daripada kaum yang berbeza.

Kini, beliau bukan hanya sudah meluaskan jaringan teman-temannya, malah merupakan penyelaras bagi dialog berbilang agama menerusi kumpulan *Exploration into Faith*, sebuah kumpulan yang dibentuk badan menggalak keharmonian kaum, OnePeople.sg. Beliau terlibat dengan kumpulan tersebut sejak 2010.

Ditemui baru-baru ini, Cik Teo, 23 tahun, mengaku beliau tidak mempunyai ramai teman bangsa lain. Lantaran itulah, penyelidik di sebuah syarikat perbitan itu amat menghargai persahabatan yang dibina bersama rakan-rakannya yang berbangsa Melayu, India dan Serani.

“Sebagai kaum majoriti di Singapura, tanpa disedari, ada antara kami yang ambil ringan soal hubungan kaum dan kurang proaktif untuk mengenali amalan, budaya dan kepercayaan kaum-kaum lain.

“Justeru, penting bagi kami bersikap terbuka dan meluaskan jaringan teman dan kenalan agar meliputi mereka daripada bangsa lain,” ujar beliau berterus terang.

Penilaian Cik Teo itu mencerminkan dapatan tinjauan terhadap sikap warga Singapura mengenai isu-isu kaum dan agama oleh Institut Pengajian Dasar (IPS) dan OnePeople.sg minggu lalu.

Antaranya, tinjauan itu mendedahkan bahawa kaum Cina kurang cenderung mempercayai kaum Melayu, India dan Serani jika berlakunya krisis.

Berbanding kaum-kaum lain, jumlah responden Cina yang percaya mereka boleh mempelajari sesuatu daripada budaya kaum minoriti juga lebih rendah.



BINA HUBUNGAN BERMAKNA: Cik Teo (kiri) menghargai persahabatan bersama segelintir teman-temannya yang bukan berbangsa Cina seperti Cik Nadia kerana ia membantu beliau menghargai kehidupan berbilang kaum dan agama di Singapura. – Foto NADZRI EUNOS

Dari segi peratusan, lebih 60 peratus responden daripada kaum minoriti tidak mempunyai masalah mempercayai kaum Cina dalam keadaan krisis. Sebaliknya, hanya sekitar 50 peratus responden Cina yakin mereka boleh bergantung kepada kaum Melayu, India dan Serani.

Di samping itu, lebih ramai warga Melayu, India dan Serani yang bersetuju bahawa masyarakat berbilang kaum baik bagi Singapura berbanding responden kaum Cina.

Tinjauan tersebut melibatkan lebih 4,000 warga dan bertujuan menghasilkan 10 petanda pengukur keyakinan antara kaum dan agama di sini. Soalan-soalan yang sama di masa depan untuk menilai perubahan dalam sikap pada masa hadapan.

Seperkara lagi yang menarik per-

“Sebagai kaum majoriti di Singapura, tanpa disedari, ada antara kami yang ambil ringan soal hubungan kaum dan kurang proaktif untuk mengenali amalan, budaya dan kepercayaan kaum-kaum lain.

Justeru, penting bagi kami bersikap terbuka dan meluaskan jaringan teman dan kenalan agar meliputi mereka daripada bangsa lain.”

– Cik Gwyneth Teo, 23 tahun.

hatian ialah kurang separuh daripada responden mempunyai rakan karib bangsa lain.

Bagi Cik Teo, antara segelintir teman-temannya yang bukan berbangsa Cina ialah Cik Nadia Ahmad Samdin, 23 tahun. Mereka berkenalan semasa sama-sama menuntut di Maktab Rendah Victoria (VJC).

Meskipun mengambil haluan berbeza – Cik Teo ke Universiti Nasional Singapura (NUS) sementara Cik Nadia pula ke Universiti Pengurusan Singapura (SMU) – persahabatan dua teman itu masih lagi mekar hingga kini.

“Kami bertemu sekali-sekala, tapi kerap berhubung menerusi media sosial,” ujar Cik Nadia, yang sedang mengambil peperiksaan Bar bagi bakal peguam.

Bagi Cik Nadia, tinjauan tersebut mencerminkan realiti di kota Singapura ini. Semasa menuntut di Sekolah Undang-Undang SMU, beliau merupakan satu-satunya teman Melayu bagi ramai rakan-rakannya yang berbangsa Cina.

Lantaran itulah, ada di antara mereka yang mempunyai pengetahuan yang begitu cetek mengenai budaya kaum lain.

Namun, Cik Nadia faham keadaan sedemikian berlaku dalam kalangan masyarakat majoriti di mana-mana, dan bukan unik kepada Singapura sahaja.

Bagaimanapun, beliau berharap seperti Cik Teo, lebih ramai anggota masyarakat Cina akan lebih proaktif mengenali dan memahami budaya kaum minoriti di Singapura. Malah, ia harus menjadi amalan semua kaum.

“Pada masa yang sama, sebagai kaum minoriti juga kita harus membuka peluang dan ruang bagi mereka memahami kita. Contohnya, dengan menjemput mereka ke rumah semasa Aidilfitri.

“Tapi lebih penting lagi ialah dalam kita menyesuaikan diri dan berintegrasi, kita perlu yakin serta bangga dengan budaya, amalan dan identiti kita sendiri,” ujar beliau.

Memberi contoh, beliau pernah bertemu pekerja Melayu yang memberikan pelbagai alasan kerana enggan keluar makan bersama teman-teman sekerja yang makan di tempat-tempat yang tidak halal.

“Bagi saya, tidak salah jika kita beritahu mereka kita tidak selesa ke tempat-tempat sedemikian dan sebaliknya menyarankan tempat-tempat makan yang halal. Ini juga memberi kita peluang menjelaskan kepada mereka sebab-sebabnya dan dari situ baru timbul pemahaman yang lebih mendalam,” ujar beliau.

Akur, Cik Teo berkata daripada dialog-dialog antara agama yang beliau kendalikan, jelas terdapat banyak salah faham.

“Hanya dengan kita membincangkan secara terbuka barulah kita dapat memahami amalan dan budaya kaum lain dengan lebih mendalam. Tapi sebelum itu, kita mestilah memupuk hubungan yang ikhlas, jujur dan berdasarkan sikap saling mempercayai,” tambah beliau.